

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa rumput padang terbang (aerodrome) di Sitiawan tidak diselenggarakan. Adakah Kerajaan Persekutuan sudi memulangkan tanah ini kepada Kerajaan Negeri jika Kerajaan Persekutuan tidak lagi memerlukan tanah ini.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum mengenai aduan rumput yang tidak diselenggara di Padang Terbang Sitiawan, Perak daripada orang awam.
2. Kementerian ini telah mengemukakan Notis 5A bagi mendapatkan pemilikan tanah Padang Terbang Sitiawan pada tahun 2019. Sehingga kini, proses pemindahan hak milik tanah tersebut sedang dilaksanakan oleh pihak Pentadbir Tanah Negeri Perak.
3. Bagi membolehkan pihak Kementerian menjalankan penyelenggaraan ke atas padang terbang tersebut, tanah tersebut perlulah diberikan hak milik sepenuhnya kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutaan (FLC) untuk kegunaan Kementerian Pengangkutan. Selanjutnya, pihak Kementerian akan memohon peruntukan secara *one-off* pada tahun ini bagi pelaksanaan pemotongan rumput.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Pengangkutan akan meneruskan proses pindah milik ini dan tidak mempunyai perancangan untuk memulangkan semula tanah ini kepada pihak Kerajaan Negeri Perak.
5. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pemotongan rumput di Padang Terbang Sitiawan telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) pada 19 Oktober 2020 atas dasar tanggungjawab sosial.

Sekian, terima kasih.